



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

**LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
KE NEGERI SEMBILAN**

Seremban, Negeri Sembilan, 18 Julai 2024 – YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) telah mengadakan Lawatan Kerja sehari ke Negeri Sembilan. Lawatan kerja yang julung-julung kalinya diadakan sejak beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada Januari yang lalu, bertujuan untuk menyampaikan agenda nasional kepada Pegawai Awam di Negeri Sembilan serta untuk mengukuhkan kerjasama antara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri.

Lawatan kerja ini dimulakan dengan sesi perjumpaan bersama Pegawai Awam Persekutuan dan Negeri di Negeri Sembilan. Program ini merupakan suatu wadah penting kepada YBhg. Dato' Sri KPPA untuk menyampaikan sendiri agenda H.E.M.A.T. sebagai suatu pegangan nilai yang harus disemat dalam diri setiap Pegawai Awam, bagi menjayakan agenda Malaysia MADANI dan "*The G.R.E.A.T. Civil Service*". Seterusnya, beliau bersama-sama YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah melancarkan Kit Integriti 9 @ NS yang merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Sembilan untuk mempromosikan nilai integriti dan etika dalam pentadbiran awam.

Program lawatan kerja ini diserikan lagi dengan aktiviti menyantuni rakyat. YBhg. Dato' Sri KPPA meluangkan masa untuk meninjau perkhidmatan kaunter di Pejabat Tanah dan Galian, bagi melihat sendiri inisiatif perkhidmatan kiosk yang disediakan untuk kemudahan pelanggan menyemak dan membayar cukai tanah.

Seterusnya, beliau turut singgah di kaunter MyPesara bagi beramah mesra dan menyampaikan sijil penghargaan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang bersara bagi bulan Julai 2024.

Kemuncak lawatan kerja ini, YBhg. Dato' Sri KPPA mengadakan kunjung hormat kepada YAB Menteri Besar Negeri Sembilan. Ia merupakan simbolik jalinan hubungan baik antara Jabatan Perkhidmatan Awam dengan Kerajaan Negeri Sembilan, yang berterusan erat dan sentiasa diperkukuhkan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh: 18 Julai 2024

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.3 ()